

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

01 FEBRUARI 2018

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	MAHU MASYARAKAT INDIA BERSAMA JAYAKAN DEKAD BAHARU JOHOR	2
UTUSAN MALAYSIA	KUIL JADI PENGHUBUNG KERAJAAN, RAKYAT	3



# SINAR HARIAN

Mahu masyarakat India bersama jayakan Dekad Baharu Johor

**PASIR GUDANG** - Kerajaan Johor mahu masyarakat India di negeri ini, terus memainkan peranan penting bersama kaum lain demi menjayakan misi Membangun Dekad Baharu untuk Johor atau ringkaskan Dekad Baharu Johor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kelompok masyarakat itu juga diseru untuk menyelongkar dan merebut segala manfaat daripada pembangunan serta kemajuan yang berlaku.

Menurutnya, kerajaan negeri bawah kepimpinannya sentiasa komited memberi perhatian terhadap masyarakat India di Johor agar tiada yang tercincir dan tertinggal daripada menerima kesajahteraan hidup.

"Dekad Baharu Johor ini akan menyaksikan Johor akan terus membangun dengan begitu pesat.

"Oleh itu, kita (kerajaan negeri) tidak mahu ada masyarakat India yang tercincir dan tertinggal. Kita mahu masyarakat India untuk turut sama memainkan peranan mereka dan menyelongkar segala manfaat yang wujud dari pertumbuhan yang berlaku," katanya.

Majlis Sambutan Perayaan Thaipusam 2018 Kuil Sri Subramaniar Paripalana Saba, Masai di sini semalam.

Turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad.



Mohamed Khaled (kanan) melayan tetamu yang hadir.


Mohamed Khaled berkata, Dekad Baharu Johor akan menyaksikan negeri ini melalui pembangunan dan kemajuan Johor dengan lebih hebat di mana tahun 2018 sebagai permulaannya.

Katanya, misi tersebut akan menyaksikan Johor menjadi negeri yang paling baik berbanding negeri-negeri lain di dalam negara.

"Johor tidak boleh menjadi negeri terbaik kalau masyarakat India di negeri ini tidak turut sama menyumbang, malah tertinggal. Atas sebab itu masyarakat India selama ini terus diberi perhatian.

"Kita tidak akan dapat me-realisasikan (Dekad Baharu Johor) kalau masyarakat India tertinggal. Tak semua perkara boleh dicapai dengan usaha kerajaan sahaja. Jadi kita perlukekalkan hubungan kita berdasarkan persahabatan dan saling memahami serta melengkapi antara satu sama lain," katanya.

Pada majlis tersebut, Mohamed Khaled yang juga Adun Permas mengumumkan pemberian peruntukan berjumlah RM100,000 kepada pihak kuil berkenaan bagi melaksanakan pelbagai program sosial dan ke-masyarakat.



# UTUSAN MALAYSIA

1/2/18 4/m

Pengurusan diminta kenal pasti masalah, bantu penduduk

## Kuil jadi penghubung kerajaan, rakyat

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 31 JAN.

**P**IHK pengurusan kuil-kuil Hindu di negeri ini diharap dapat memainkan peranan tambahan sebagai penghubung antara kaum India dengan kerajaan negeri dan wakil rakyat setempat.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah itu selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk memastikan setiap masyarakat terlibat dalam pembangunan pesat negeri ini.

Beliau berkata, peranan tersebut tidak boleh dilakukan kerana kuil-kuil Hindu merupakan institusi

penting bagi masyarakat India.

"Pihak pengurusan kuil mempunyai maklumat berhubung masyarakat India dan permasalahan dihadapi mereka, input sedemikian dapat membantu wakil rakyat dan kerajaan."

"Secara tidak langsung, kerajaan boleh merangka strategi bersesuaian membantu menyelesaikan masalah dan meningkatkan taraf hidup masyarakat berbilang kaum di negeri dan negara ini," katanya pada Sambutan Perayaan Thaipusam di Kuil Sri Subramanier Paripalana Saba, Masai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang

(MPPG), Hasrin Kamal Hashim dan Pengurus kuil, Elan Ko.


Mohamed Khaled yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas turut mengajak masyarakat, khususnya kaum India untuk terlibat sama dalam pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan.

"Peranan antara kerajaan dan rakyat adalah saling melengkap. Jadi, pastinya setiap pembangunan dijalankan kerajaan bersifat inklusif untuk rakyatnya," katanya sambil mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM100,000 kepada kuil tersebut.

Perayaan Thaipusam berkenaan dihadiri kira-kira 3,000 pengikut agama Hindu dari kawasan sekitar.



MOHAMED KHALED NORDIN beramah mesra dengan para penderma darah ketika hadir memeriahkan Majlis Sambutan Thaipusam di Kuil Sri Subramanier Paripalana Saba di Masai, semalam.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

04 FEBRUARI 2018



AHAD

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	TUISYEN DIGITAL RM1 SEBULAN	2



# SINAR HARIAN

## Tuisyen digital RM1 sebulan

PASIR GUDANG - 25,000 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berpeluang mengikuti pakej pembelajaran tambahan serendah RM1 sebulan menerusi program e-Learning Johor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri menerusi Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang melancarkan program pembelajaran digital itu dengan peruntukan RM300,000.

Menurutnya, program itu bagi membantu pelajar dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan dan penyertaan terbuka kepada murid pelbagai kaum yang bersekolah di seluruh Johor.

"Program ini sebagai pembelajaran tambahan untuk pelajar yang disediakan menerusi laman sesawang,

**Info**  
• Lancar program pembelajaran digital dengan peruntukan RM300,000

ia boleh diakses secara atas talian pada bila-bila masa menerusi telefon bimbit, komputer riba atau alat elektronik lain.

"Ini merupakan usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan keupayaan anak-anak Johor menerusi sektor pendidikan agar generasi muda tempatan dapat bersaing dan merebut peluang bagi memperingkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian e-Learning Johor di Dewan Serbaguna Taman Mawar, di sini, semalam.

Turut hadir Exco Pendidikan negeri, Datuk

Ayub Rahmat; Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Azman Adnan dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad.

"e-Learning ini, dan jumlah peruntukan yang disediakan akan ditambah pada masa akan datang sekiranya mendapat permintaan menggalakkan," katanya.

Dalam pada itu beliau menegaskan, kerajaan negeri tidak menawarkan pembelian penuh atau biasiswa secara kandungan yang komprehensif serta siflus berpanduan sukanan pembelajaran kepada semua murid bagi memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan meliputi semua aspek dan lapisan masyarakat secara seimbang.

"Setakat ini seramai 3,000 pelajar mendaftar dan terpilih menyertai program e-Learning ini, dan jumlah peruntukan yang disediakan akan ditambah pada masa akan datang sekiranya mendapat permintaan menggalakkan," katanya.

Dalam pada itu beliau menegaskan, kerajaan negeri tidak menawarkan pembelian penuh atau biasiswa secara kandungan yang komprehensif serta siflus berpanduan sukanan pembelajaran kepada semua murid bagi memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan meliputi semua aspek dan lapisan masyarakat secara seimbang.


"Kerajaan perlu beri tumpuan sama rata kepada semua aspek, kalau kita hanya tumpukan pada aspek pendidikan seperti yang dibangkitkan pembangkang dan tawarkan biasiswa kepadanya semua pelajar jadi bagaimana kita nak tingkatkan sektor ekonomi. Pelajar-pelajar ini nanti apabila dia keluar mereka nak kerja apa."

"Biasiswa adalah ganjaran bagi pelajar yang cemerlang sebab itu di pengajian tinggi, kerajaan tukarkan pinjaman pelajaran kepada biasiswa bagi pelajar-pelajar yang cemerlang di universiti," katanya.

Pada majlis berkenaan, Mohamed Khaled turut menyampaikan Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) yang ditawarkan YPJ kepada 10 pelajar terpilih dari kawasan Pasir Gudang yang menerima RM600 setahun bagi setiap pelajar Tingkatan Satu hingga Lima dan RM1,000 setahun bagi pelajar Tingkatan Enam.



Mohamed Khaled bersama pelajar-pelajar yang terpilih menyertai program e-Learning Johor.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 FEBRUARI 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	BUILDING COMMUNAL BONDS THROUGH CELEBRATIONS	2



# THE STAR



Some of the students making a kolam during the event at the MIWA hall in Masai.

id (ROC 10894D)

5/2/18 star.

## Building communal bonds through celebrations

**JOHOR BARU:** In a move to strengthen unity among the various races, a group of students from Kolej Teknologi Suria celebrated the Ponggal festival here.

Organised by the college's Students Representative Council (MPP), more than 50 students from various courses took part in the event by boiling milk in clay pots over charcoal stoves as part of the highlight of the harvest festival.

Kolej Teknologi Suria evaluator officer Ewa Wagiyo said the programme aimed to encourage the students to foster better relationships with one another.


"Besides that, we want the students to learn to communicate and plan a programme with the public in preparation for their working

life after graduation," she said after attending the celebration that was officiated by Pasir Gudang MP Datuk Normala Abdul Samad at Malaysian Indian Welfare Association (MIWA) hall here.

The students comprised those taking Diploma in Information System Administration as well as certificate in Office Administration, Office Administration Supervision and in Mechanical Drafting.

Earlier in her speech, Normala urged students from all higher learning institutions, especially the MPP members, to be more active and take part in community-related events.

She said with such positive values instilled in them, they would be able to help in nation-building.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
06 FEBRUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	YPJ PERKENAL TUISYEN DIGITAL RM1 SEBULAN	2



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

SELASA • 06.02.2018

## JOHOR

Peruntuk RM300,000, bantu anak keluarga kurang berkemampuan

### YPJ perkenal tuisyen digital RM1 sebulan

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusan.johor@gmail.com

■ PASIR GUDANG 5 FEB.

**K**IRA-KIRA 25,000 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berpeluang mengikuti paket pembelajaran tambahan serendah RM1 sebulan menerusi program e-Learning Johor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri menerusi Yayan Pasir Gudang (YPJ) melancarkan program pembelajaran digital itu dengan peruntukan berjumlah RM300,000.

Beliau berkata, program itu bagi membantu pelajar dalam kalangan keluarga kurang berkemampuan dan pertayaan terburu kepada murid-murid pelbagai kaum yang bersekolah di negeri ini.

"Program ini sebagai pembelajaran tambahan untuk pelajar yang disediakan menerusi laman sesawang dan boleh diakses secara atas talian pada bila-bila masa menerusi telefon bimbit, komputer riba atau alat elektronik lain."

"Ini merupakan salah satu usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan keupayaan anak-anak Johor dalam sektor pendidikan agar generasi muda tempatan dapat bersaing dan merentap perlu bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka," katanya sem-



MOHAMED KHALED NORDIN (tengah) bersama para pelajar yang menerima program pembelajaran digital selepas merasmikan e-Learning Johor di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang, baru-baru ini.

masa merasmikan e-Learning Johor di Dewan Serbaguna Taman Mawar di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat dan Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Azman Adnan.


Mohamed Khaled yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas berkata, program itu menyediakan medium pembelajaran tambahan dengan isi kandungan yang komprehensif serta silibus berpautukan sukaan pembelajaran Kementerian Pendidikan.

"Kerajaan perlu beri tumpuan sama rata dalam semua aspek. Kalau kita hanya tumpu pada

"Setakat ini seramai 3,000 pelajar telah mendafar dan terpilih menyertai program e-Learning ini dan jumlah peruntukan yang disediakan akan ditambah pada masa akan datang sekiranya mendapat permintaan meningkatkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan, kerajaan negeri tidak menawarkan pembimbingan penuh atau biasiswa secara kepada semua murid bagi memastikan "setiap peruntukan yang dibelanjakan meliputi semua aspek dan tapisan masyarakat secara seimbang."

"Biasiswa adalah ganjaran bagi pelajar cemerlang sebab itu di pengajian tinggi, kerajaan tukarkan pinjaman pelajaran kepada biasiswa bagi pelajar cemerlang," tegaskan sambil memberitahu Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) yang ditawarkan YPJ kepada 10 pelajar terpilih dari Pasir Gudang menerima RM600 setahun bagi pelajar tingkatan satu hingga lima dan RM1,000 setahun untuk pelajar tingkatan enam."




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
07 FEBRUARI 2018  
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	SHARMIN NURIRDINA RATU BOLING REMAJA JOHOR	2



# SINAR HARIAN

## Sharmin Nur Irdina ratu boling remaja Johor

PASIR GUDANG - Murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia, Sharmin Nur Irdina Mohammad Shamsul mengungguli kategori bawah 12 tahun Kejohanan Boling Remaja tertutup Negeri Johor.

Dalam kejohanan berkenaan, beliau turut diumumkan selaku pemenang kategori jatuhan pin terbanyak untuk kategori perempuan.

Untuk empat permainan, Sharmin Nur Irdina berjaya mengumpul jatuhan pin keseluruhan sebanyak 678 sekali gus menewaskan pencabar lain.

Sharmin Nur Irdina ketika ditemui mengucapkan rasa syukur dengan kejayaan dikecapinya malah berterima kasih atas sokongan tidak berbelah bagi keluarga, guru, tenaga pengajar dan rakan-rakan.

"Saya bersyukur kerana berjaya meraih tempat pertama. Saya baru tiga tahun aktif dalam sukan tenpin boling ini.

"Kemengan ini akan

menjadi batu loncatan untuk saya terus berusaha gigih bagi meraih lebih banyak kejayaan pada masa depan," katanya di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menerima hadiah kemenangan daripada Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad yang hadir merasmikan kejohanan yang berlangsung di Pusat Boling Pasir Gudang di sini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Sukan Tenpin Bowling Johor, Mohd Zubir Abd Latiff berkata, pengajuran pertandingan itu bertujuan mencungkil dan mencari bakat sukan berkenaan di peringkat sekolah untuk mewakili Johor pada masa akan datang.

"Kita mahu mencari lebih ramai bakat dalam sukan ini khususnya kalangan pelajar sekolah. Tambahan pula, ini juga sebagai persediaan Johor untuk berdepan cabaran Sukan Malaysia (Sukma) pada masa akan datang," katanya.

S/H 7/2/18



Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad menyampaikan sijil dan hadiah kepada Sharmin Nur Irdina.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

08 FEBRUARI 2018

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	SEORANG MURID SAH HIDAP INFLUENZA A, LIMA POSITIF SIMPTOM	2
SINAR HARIAN	SERORANG MURID DIJANGKITI INFLUENZA A DILAPORKAN SIHAT	3
SINAR HARIAN	ENAM MURID DIJANGKITI INFLUENZA	4
UTUSAN MALAYSIA	SEORANG MURID SAH DIJANGKITI VIRUS INFLUENZA	5



# KOSMO

8/2/18  
KOSMO

## Seorang murid sah hidap Influenza A, lima positif simptom

JOHOR BAHRU - Seorang murid ta-

manakala lima pelajar lagi disyaki me-

re-

baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Pendidikan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang itu di-

sahkan dijangkiti Influenza A pada Ahad lalu.

"Murid terbabit telah dimasukkan ke sebuah hospital swasta dan dibenarkan keluar kelmarin.

"Pihak sekolah berkenaan telah mengambil langkah proaktif dengan memindahkan murid kelas tersebut ke bilik lain bagi meneruskan pembelajaran sementara bilik darjah asal dibersihkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan negeri Johor, Shaharuddin Sharif berkata, lima mangsa lagi disyaki mengalami virus influenza, namun kategori penyakit tersebut belum disahkan.

Katanya, kesemua mangsa yang dijangkiti virus berkenaan telah dibenarkan



AYUB

INFO


Influenza A

- Berjangkit melalui saluran pernafasan
- Jangkitan terutama melibatkan bahagian paru-paru
- Dijangkiti melalui cecair batuk atau bersin daripada pesakit Influenza A
- Antara tanda jangkitan ialah demam berpanjangan, batuk, sakit tekak, selesema, sakit kepala, lesu, muntah dan cirti-birti
- Antara langkah pencegahan ialah kerap mencuci tangan menggunakan air serta sabun dan memakai penutup mulut jika selesema atau batuk
- Pengambilan vaksin adalah langkah paling penting mencegah jangkitan
- Dapatkan rawatan segera jika demam melebihi dua hari

cuti sehingga mereka beransur pulih.

Lima mangsa terbabit ialah dari SK Taman Scientax, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chien Chi dan SJKC Masai di Pasir Gudang.

"Sekolah yang terlibat telah diarahkan melakukan pembersihan kelas dan mematuhi arahan Jabatan Kesihatan berhubung pengendalian kes wabak tersebut," ujarnya.



# SINAR HARIAN

## Seorang murid dijangkiti influenza A dilaporkan sihat

8/2/18  
31+

**JOHOR BAHRU** - Seorang murid tahun dua Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bukit Dahlia disahkan dijangkiti influenza A selepas dimasukkan ke hospital swasta, Ahad lalu.

Exco Kesihatan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, murid terbabit bagaimanapun telah dibenarkan keluar dari hospital dan dilaporkan sihat pada Selasa lalu, dan perkara itu telah dimaklumkan kepada pihak sekolah oleh ibu kanak-kanak tersebut.

Menurutnya, berdasarkan laporan pihak sekolah beraikan, langkah proaktif telah diambil dengan memindahkan murid kelas terbabit ke bilik lain bagi meneruskan sesi pembelajaran.

"Ini (pemindahan) semestara bilik darjah asal dibersihkan."

"Susulan laporan ini, pejabat kesihatan telah menjalankan aktiviti pencarian kes lain di sekolah terbabit. Sehingga kini, hanya satu kes yang dikesan mengalami pe-

nyakit influenza A di situ," kata-nya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Ayub berkata, pejabat kesihatan akan terus memantau situasi dan keadaan berkenaan dari semasa ke semasa melalui klinik kesihatan terdekat.

Beliau turut memaklumkan flu A adalah sejenis penyakit berjangkit saluran pernafasan yang disebabkan oleh virus influenza A.

Katanya, gejala jangkitan serupa dengan gejala influenza lain seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak, sakit badan dan lesu.

"Kebanyakannya akan mengalami gejala ringan. Namun terdapat sebilangan kecil pesakit yang boleh mendapat komplikasi seperti pneumonia, ensefalitis (radang otak) serta boleh menyebabkan penyakit lain bertambah teruk seperti asma."

"Cara jangkitan adalah melalui cecair batuk atau bersin daripada pesakit yang dijangkiti influenza A," katanya.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • KHAMIS 8 FEBRUARI 2018

**JOHOR**  *Ayuh Johor!*

EDITOR: AZWANI GHANI PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM

**17**

## Enam murid dijangkiti influenza

Semua yang dijangkiti adalah daripada empat sekolah di Pasir Gudang

**MOHD FIRDAUS YON**

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Pendidikan Negeri Johor memaklumkan terdapat enam murid dari empat sekolah rendah di Pasir Gudang disyaki dijangkiti influenza.

Pengerah Pendidikan negeri, Shaharudin Sharif berkata, semua sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bukit Dahlia, SKJC Chien Chi, SKJC Masi dan SK Taman Scientex.

"Pihak pejabat kesihatan sudah turun, tengok dan sudah beri garis panduan kepada sekolah. Kalau dia (pejabat kesihatan) kata tutup, kita tutup (sekolah).

"Kita bergantung kepada pejabat kesihatan. Jadi saya rasa mungkin pejabat kesihatan boleh memberi satu pererangan yang lebih tepat," katanya pada sidang media Persidangan Pemimpin Pelajar Antarabangsa Johor 2018 di KSL Hotel & Resorts di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Dasar &

Pembangunan Pendidikan), Datuk Sulaiman Wak serta Pengarah Projek Persidangan Pemimpin Pelajar Antarabangsa Johor 2018, Wan Muhammad Haikal Wan Adlin.

Diminta mengulas lanjut, Shaharudin berkata, daripada senarai diterimakan, didapati hanya lima atau enam murid sahaja disyaki dijangkiti influenza dan sudah dicutik.


"Saya tahu ada wabak influenza, tapi jenis apa saya ingat kena rujuk pejabat kesihatan," katanya.

Beliau berkata, pihak sekolah sudah mengambil langkah-langkah menjaga kebersihan di dalam kelas, mengikut garis panduan diberikan pejabat kesihatan.

"Ibu bapa kalau tengok anak masing-masing ada demam yang berpanjangan atau simptom, elok bawa pengi ke hospital dalam suasana sekarang.

"Ibu bapa kena tahu apakah ciri-ciri demam influenza itu sendiri, kalau tengok anak-anak ada simptom sebegitu, segeralah bawa ke hospital," katanya.

**Sulaiman menyempurnakan perasmian persidangan.**

# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 8 FEBRUARI 2018

## Seorang murid sah dijangkiti virus Influenza

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 7 FEB.

**S**EORANG murid tahun dua disahkan dijangkiti virus Influenza A manakala lima lagi disyaki mengalami simptom terbabit.

Virus tersebut dikesan selepas mereka menghidap demam berpanjangan yang membabitkan kesemua mangsa dari empat buah sekolah rendah di sekitar daerah ini.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Pendidikan dan Penerangan Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, setakat ini, hanya seorang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Dahlia di sini disahkan dijangkiti virus Influenza A pada Ahad lalu.

"Murid terbabit telah dimasukkan ke sebuah hospital swasta pada hari sama dan dilaporkan kembali sihat kelmarin."

"Pihak sekolah telah mengambil langkah proaktif dengan memindahkan murid kelas tersebut ke bilik lain bagi meneruskan pem-

belajaran sementara bilik darjah asal dibersihkan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurut Ayub, pejabat kesihatan sudah menjalankan aktiviti pencarian kes lain di sekolah terbabit dan hingga kini hanya satu kes yang dikehざan mengalami penyakit Influenza A.

"Pejabat kesihatan akan terus memantau situasi dari semasa ke semasa melalui klinik-klinik kesihatan terdekat," ujarnya siasatan mengenal pasti virus tersebut masih dijalankan.

Dalam pada itu, Pengarah Pendidikan Johor, Shaharuddin Sharif berkata, mangsa lain disyaki mengalami virus Influenza namun kes penyakit itu belum dapat disahkan.

Bagaimanapun katanya, kesemua mangsa yang dijangkiti virus tersebut sudah dibenarkan cuti hingga mereka beransur pulih.

"Selain mangsa di SK Taman Dahlia, mangsa lain pula dari SK Taman Scientax, Sekolah Jenis Ke-



AYUB RAHMAT


bangsaan Cina (SJKC) Chien Chi dan SJKC Masi," katanya.

Tambahnya, sekolah yang terlibat sudah diarahkan melakukan pembersihan kelas dan mematuhi arahan Jabatan Kesihatan negeri berhubung pengendalian kes wabak tersebut.

"Justeru, saya menyarankan agar ibu bapa peka terhadap penyakit anak masing-masing dan mendapatkan rawatan segera jika mengalami demam yang berpanjangan," ujarnya.

Virus influenza A adalah sejenis penyakit berjangkit saluran pernafasan yang membawa gejala seperti demam, batuk, selsema, sakit tekak, sakit badan dan lesu.

Kebanyakan mengsa akan mengalami gejala ringan namun terdapat sebilangan kecil pesakit yang boleh mendapat komplikasi seperti pneumonia, encephalitis (radang otak) serta boleh menyebabkan penyakit lain bertambah teruk seperti asma.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
13 FEBRUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	PERTANDINGAN BOLING ERAT HUBUNGAN KMJ	2
UTUSAN MALAYSIA	ORGKHIM LABUR RM240 JUTA DI TANJUNG LANGSAT	3



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN 13/2/2018

## Pertandingan boling erat hubungan KMJ

**PASIR GUDANG** 12 Feb. - Pejabat Ahli Parlimen Pasir Gudang menganjurkan pertandingan Boling Muhibah dengan ahli Kelab Media Johor (KMJ), baru-baru ini.

Acara yang dianjurkan di Pusat Boling Pasir Gudang di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, di sini disertai oleh kira-kira 40 ahli KMJ terdiri daripada wartawan, jurugambar, jurukamera dan juruhebah radio.

Lebih bermakna program tersebut dirasmikan oleh Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad.

Yang turut hadir, Presiden KMJ, Mohamed Fauzi Ishak berserta barisan ahli jawatankuasa kelab dan warga kerja Pejabat Ahli Parlimen Pasir Gudang.

Normala turut berterima kasih atas sokongan pengamal media di negeri ini, sama ada media cetak maupun elektronik terhadap setiap aktiviti dan program yang dijalankan pihaknya.

"Anda semua telah memainkan peranan sangat penting dalam melaporkan aktiviti saya sepanjang berada di kawasan. Semoga ukhwah yang sedia terjalin ini akan berterusan sampai bila-bila," katanya.

Normala turut menyifatkan pengajuran pertandingan bo-



**NORMALA ABDUL SAMAD** (tengah) dan ahli KMJ bergambar di Pusat Boling Pasir Gudang, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

ling itu sebagai medium untuk mengerakkan lagi hubungan silaturahim yang sedia wujud sejak beliau dipilih sebagai wakil rakyat Parliment Pasir Gudang.


"Tanpa anda tidak mungkin suara saya mengenai dasar dan agenda parti serta kerajaan dapat disampaikan kepada masyarakat di negeri ini, khususnya di Parlimen Pasir Gudang.

"Malah tanpa anda juga, rakyat tidak akan tahu usaha serta inisiatif yang sedang atau sudah dilaksanakan oleh saya dan pemimpin kerajaan UMNO serta Barisan Nasional (BN) lain kepada mereka.

Jadi terima kasih dan teruslah membantu kami demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Sebagai tanda penghargaan dan sokongan terhadap KMJ, Normala turut menyampaikan sum-

bangan sebanyak RM5,000 bagi membolehkan kelab menjalankan aktiviti tahunan untuk ahlinya.



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN 13/2/2018  
Orgkhim labur RM240 juta di Tanjung Langsat

Oleh NURUL HUDA HASSAN  
ekonomi@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 12 Feb. - Orgkhim Biochemical Holding, syarikat pengeluar bahan berdasarkan petroleum bagi pembuatan tayar mesra alam kedua terbesar dunia dari Rusia melabur sebanyak RM240 juta di Tanjung Langsat, Pasir Gudang di sini.

Syarikat tersebut menerusi anak syarikatnya, Norman Process Oils Malaysia Plant Sdn. Bhd. membangunkan loji pembuatan bahan berkenaan dengan keluasan 2,023 hektar yang pertama dan pelaburan terbesar Orgkhim Biochemical di luar Rusia.

Ketua Pegawai Eksekutif Orgkhim Biochemical, Nikolay Khodov berkata, loji yang bakal menghasilkan bahan minyak berdasarkan petroleum untuk kegunaan tayar, getah sintetik dan sebatian getah itu dijangka memulakan operasi pada pertengahan tahun depan.

Menurutnya, pada masa ini syarikat itu mampu menghasilkan kira-kira 125,000 tan bahan berkenaan setahun di Rusia dan menerusi loji baharu di Tanjung Langsat, mereka menyasarkan sebanyak 70,000 tan setahun.

"Loji di Malaysia akan memenuhi permintaan pasaran rantau Asia Pasifik dengan memberi fokus terhadap pasaran di China selain Singapura" katanya pada majlis



TEE SIEW KIONG (tengah) bersama Azman Mahmud (dua dari kanan) dan Nikolay Khodov (dua dari kiri) selepas majlis Pecah Tanah Kilang Orgkhim's Norman Process Oils Malaysia Sdn. Bhd. di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

pecah tanah Norman Process Oils Malaysia Plants Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud.


Sementara itu Azman berkata, pelaburan baharu tersebut bukan sahaja menunjukkan keyakinan pelabur terhadap negeri ini, malah pada masa sama merebut peluang dalam industri kimia di negara ini yang semakin berkembang.

Menurutnya, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), industri kimia dikenal pasti sebagai antara sektor yang menunjukkan

pertumbuhan memberangsangkan selain elektronik, mesin dan jentera, aeroangkasa dan peralatan perubatan.

Beliau berkata, hingga September 2017, sebanyak 2,073 projek pembuatan dalam industri kimia diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM96.5 bilion dan daripada jumlah itu, 59.5 peratus (RM57.4 bilion) merupakan pelaburan dari luar negara, manakala 40.5 peratus (RM39.1 bilion) dari dalam negara," katanya sambil memberitahu pelaburan itu mewujudkan sebanyak 97,000 peluang pekerjaan.

"Bagi pelabur dari Rusia pula, hingga kini sebanyak 13 projek pembuatan dengan nilai RM138.80 juta telah diluluskan dengan 600 peluang pekerjaan diwujudkan," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

14 FEBRUARI 2018



RABU

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	'MOHON BAS MASUK TAMAN KAMI'	2



# SINAR HARIAN

## 'Mohon bas masuk taman kami'

Penduduk Taman Flora Height minta pengendali bas wujudkan laluan di kawasan mereka

**PASIR GUDANG** - Faktor kawasan petempatan dan jalan utama yang agak jauh membuatkan kira-kira 30 penduduk di Taman Flora Height, Seri Alam, di sini memohon pihak berkuasaan menyediakan perkhidmatan bas awam yang lebih spesifik di kawasan berkenaan.

Difahamkan, kemudahan bas sedia ada di kawasan itu hanya menurunkan perumpang di laluan utama yang mana jaraknya terletak dua kilometer dari kediaman penduduk taman berkenaan.

Penduduk, Yap Wooi Pan, 80, berkata keadaan itu menyukarkan warga emas seperti apabila terpaksa berjalan kaki kira-kira 15 minit untuk pergi ke kawasan menunggu bas.

Dia yang sudah mendiami kawasan tersebut sejak 13 tahun lalu juga mengaku terpaksa mengeluar kan tanggung lebih sekiranya mahu meminta pengangkutan awam lain seperti teksi jika ingin memasuki kawasan perumahannya.

"Saya ni dah tua, walaupun larat lagi nak berjalan hingga ke depan sana tapi kadang-kadang mengah juga.

Itu kalau cuaca baik kalau hu-



THIAGU



WOOI PAN

jan sukar sekali.

Tiap-tiap minggu memang saya akan ke bandar dalam dua atau tiga kali, biasa lah tabiat orang berusia macam saya suka duduk rumah dah tiada siapa, anak-anak semua kerja jadi nak lah berjalan.

"Walupun macam ini, saya gagah lagi berjalan, bukan mak minta buat heniani bas atau berhenti betul-betul depan rumah saya ini, cukup sampai rumah pangsa depan sana dah memadai, saya jalan kaki lima minit pun boleh.

"Walaupun sekarang ini orang dah tidak gunakan sangat pengangkutan awam sebaliknya ramai dah mampu ada kereta, ia berguna untuk orang macam saya," katanya yang mengaku kali terakhir dia memandu kereta adalah pada 30 tahun lalu.

Seorang lagi penduduk, M Thiagu, 37, berkata, soal ke-

rumahnya sebaliknya sudah berpuas hati jika kemudahan awam berkenaan dapat berhenti di perumahan rakyat di kawasan berkenaan.

Cai Tung (empat, kanan) bersama sebahagian penduduk bergambar bersama ketika lawatan kerja di Taman Flora Height, baru-baru ini.

selamatan juga menjadi punca utamanya dia memohon kermudahan awam tersebut di buat di kawasan berkenaan memandangkan penggunaannya terdiri daripada pelajar dan wanita.

"Jalan depan sama jauh, kalau jalan kaki seorang diri pun bahaya. Ia boleh menjurus kepada gejala rugut di kawasan ini jika tidak diambil peduli. Saya harap sangat pihak berwajib dapat turun padang dan menyelesaikan perkara ini.


"Kami bukan minta sebaik bas khas untuk kegunaan penduduk di sini, cuma tambahkan sedikit laluannya, untung kepada dua-dua pihak."

Sementara itu, Cai Tung berkata, pihaknya sudah mengusulkan masalah yang berlaku itu pada persidangan dun yang lalu dan dimaklumkan hanya terdapat satu batetapi daripada syarikat swasta sahaja yang memasuki kawasan berkenaan.

"Saya dimaklumkan lalu-

an ini hanya dimasuki satu bas sahaja, dan untuk itu pihak kami akan berusaha melakukan perbincangan dengan syarikat bas tersebut untuk memanjangkan lagi laluannya untuk memasuki kawasan perumahan.

"Tetapi dalam masa yang sama, saya juga mohon kerajaan negeri dapat mempertimbangkan usul mewujudkan satu lagi laluan Bas Muafakat Johor khas untuk laluan ke taman ini," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 FEBRUARI 2018

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	KANAK-KANAK 3 TAHUN MAUT TERSERET KERETA IBU	2
SINAR HARIAN	KEMPEN HANYA NAFI HAK RAKYAT	3
SINAR HARIAN	129 KEMALANGAN DI SERI ALAM	4
UTUSAN MALAYSIA	KANAK-KANAK 3 TAHUN MAUT DISERET KERETA IBUNYA	5
KOSMO	BUDAK MAUT DISERET KERETA DIPANDU IBU	6
HARIAN METRO	PILU TERSERET ANAK	7



# SINAR HARIAN

## Kanak-kanak 3 tahun maut terseret kereta ibu



Lokasi  
kejadian  
budak  
diseret  
MPV  
dipandu  
ibunya.

**PASIR GUDANG** – Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut selepas terseret kenderaan pelbagai guna jenis (MPV) Perodua Alza yang dipandu ibunya dalam kejadian di Taman Rinting, dekat sini tengah hari kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Seri Alam, Deputi Superintenden Norazam Shaari berkata, ketika kejadian ibu mangsa sedang memandu keluar dari rumah untuk bermiga di sekolah berhampiran

rumah mereka.

Bagaimanapun katanya, ketika sedang bergerak keluar ibu mangsa tiba-tiba berasa terdapat sesuatu berada di bahagian bawah kereta yang dipandu sebelum mendapati anak bongsunya itu berada di bawah kenderaan.


“Ibu mangsa sedang bergerak keluar dari rumah dan merasa ada sesuatu berada di bawah kenderaan dipandu dan memberhentikan kenderaan tersebut sebelum mendapati anaknya

yang berusia tiga tahun berada di bawah kereta di bahagian depan.

“Mangsa dibawa ke Hospital Penawar Pasir Gudang untuk rawatan dan disahkan meninggal dunia,” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, ibu mangsa ketika dihubungi enggan mengulas lanjut kerana masih trauma di atas kejadian yang berlaku.



# SINAR HARIAN

S+ - 16 / 2 / 2018

## Kempen hanya nafi hak rakyat

PASIR GUDANG

Kempen undi rosak yang dilancarkan pihak tertentu sebenarnya bertujuan untuk menafikan hak rakyat serta pengundi bagi memilih kerajaan yang berwibawa.

Ahli Parlimen Pasir Gudang Normala Abdul Samad berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyifatkan kempen undi itu hanya merugikan rakyat amat tepat kerana gerakan itu mendedahkan mereka kepada situasi negara yang tidak stabil.

"Buat apa nak pengaruhi rakyat untuk rosakan undi sedangkan pengundi berhak memilih sebuah kerajaan yang mampu mentadbir negara dengan cemerlang seperti kerajaan BN hari ini."

"Jika rakyat tidak mengundi dengan betul, mereka pasti terdedah dengan satu suasana tidak menentu kerana kerajaan yang bakal ditubuhkan



NORMALA

nanti tiada kredibiliti," katanya dalam satu kenyataan.

Normala yang juga Ketua Wanita Umno Pasir Gudang berkata, dalam keadaan Malaysia sedang menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi hasil usaha kerajaan, rakyat sepatutnya

terus memberi kepercayaan serta keyakinan kepada BN untuk menerajui negara pada PRU14 nanti.


"Rakyat mesti terus mengundi BN pada PRU14 nanti supaya segala perancangan masa depan kerajaan hari ini akan dapat diteruskan bagi manfaat agama, bangsa dan negara," katanya.

Menurutnya, dengan pelbagai kelemahan dan kepincangan pembangkang yang bercita-cita tinggi mahu menjadi kerajaan, tiada jaminan masa depan cemerlang yang mampu diharap-

**HEBAHKAN**  
AKTIVITI KOMUNITI ANDA  
[ozvoni@sinarharian.com.my](mailto:ozvoni@sinarharian.com.my)

kan rakyat terhadap mereka.

"Sejarah 60 tahun pemerintahan kerajaan BN dalam memaju dan memakmurkan Malaysia sudah cukup membuktikan bahawa BN adalah sebuah parti komponen yang berwibawa serta berkemampuan.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • JUMAAT 16 FEBRUARI 2018



17

EDITOR: AZWANI GHANI PENGOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM

## 129 kemalangan di Seri Alam

**Op Selamat 12 rekod satu kemalangan maut dalam tempoh 5 hari pelaksanaan**

SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

PASIR GUDANG

**S**ebanyak 129 kemalangan termasuk satu kes kemalangan maut direkodkan di daerah Seri Alam dalam tempoh lima hari sejak Op Selamat 12 sempena perayaan Tahun Baharu Cina dilancarkan bermula 9 Februari lalu.

Timbalan Ketua Polis

Daerah Seri Alam, Deputi Superintendant Norazam Shaari berkata, sebanyak 219 saman Pol 257 turut dikeluarkan selein 17 saman Pol 170A yang banyak membabitkan saman terhadap penunggang motosikal.

Menurutnya, pihaknya akan memberi penekanan kepada penunggang motosikal yang didapati sering melakukn kesalahan jalan raya malah kes kemalangan maut yang dilaporkan di daerah itu sejak pelancaran Op Selamat 12 adalah membabitkan penunggang motosikal.



Norazam mengibarkan bendera Malaysia sebagai simbolik melancarkan Majlis Pelancaran Op Selamat 12 sempena Tahun Baharu Cina 2018.

Penunggang motosikal khususnya dilatangkan sentiasa mengamalkan pemanduan berhemah dan mematuhi peraturan jalan raya.

"Sejak Op Selamat 12 dijalankan, kita sudah menyita 12 motosikal yang mana am-

tara kesalahan dilakukan seperti tiada lesen merandau dan tidak memakai topi kedudut," katanya selepas Majlis Pelancaran Op Selamat 12 sempena Tahun Baharu Cina 2018 peringkat IPD Seri Alam di Tesco Bandar Seri Alam di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengurus Besar Tesco Bandar Seri Alam, Prakash Raj.

Norazam berkata, sebanyak tiga kes kemalangan maut dilaporkan di daerah itu dengan tiga kematian pada Op Selamat 10 yang dijalankan tahun lalu dan berharap


• Op Selamat 12 sempena Tahun Baharu Cina bermula 9 Februari lalu

angka kemalangan yang direkodkan dapat dikurangkan bagi musim tahun ini.

"Pada Op Selamat 10 tahun lalu, terdapat 330 kes kemalangan direkodkan dengan 327 yang membabitkan kerosakan kenderaan sahaja manakala tiga lagi kes kemalangan maut.

"Sebanyak 527 saman Pol 257 turut dikeluarkan pada tahun berkenaan," katanya.

Dalam pada itu katanya, sejak Jumaat lalu hanya 60 pendaftaran dibuat bagi Kempen Rumah Selamat berbanding 1,928 tahun lalu.



# UTUSAN MALAYSIA

## Kanak-kanak 3 tahun maut diseret kereta ibunya


**JOHOR BAHRU** 15 Feb. – Pilu hati seorang ibu apabila tidak menyedari kereta dipandunya mengheret anak sendiri dalam kejadian di Jalan Ketapang 5, Taman Rinting di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12 tengah hari itu, kanak-kanak berusia tiga tahun meninggal dunia ketika mendapat rawatan di Hospital Penawar Pasir Gudang.

Timbalan Ketua Polis Daerah Seri Alam, Deputi Superintenden No razam Shaari berkata, ibu mangsa yang berusia dalam lingkungan 30-an sedang memandu keluar kereta kenderaan pelbagai guna (MPV) Perodua Alza dari rumahnya untuk berniaga di sekolah berhampiran rumah mereka.

Katanya, ibu mangsa yang merasakan terdapat sesuatu berada di bahagian bawah kereta ketika dipandu kemudian menemukan anak bongsunya itu di bahagian bawah bumper hadapan kenderaan.

"Ibu mangsa sedang bergerak keluar dari rumah dan merasa ada



16 Feb 2018  
UTUSAN  
Malaysia

**LOKASI** kejadian seorang ibu tidak sengaja mengheret anak lelaki bongsunya yang berusia tiga tahun (gambar kecil) hingga mengakibatkan kanak-kanak berkenaan maut di Taman Rinting, Johor Bahru, semalam. – UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN


sesuatu berada di bawah kenderaan dipandu dan memberhentikan kenderaan tersebut sebelum mendapati anaknya berusia tiga tahun berada di bawah kereta di bahagian depan dalam keadaan cedera.

Sementara itu, ibu mangsa ketika dihubungi enggan mengulas lanjut kerana masih trauma dengan kejadian tersebut.

kan meninggal dunia," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Mangsa telah dibawa ke Hospital Penawar Pasir Gudang untuk rawatan dan kemudiannya disah-



# KOSMO

kosmo 16/2/2018

## Budak maut diseret kereta dipandu ibu

**JOHOR BAHRU** – Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun maut selepas dipercayai diseret secara tidak sengaja oleh kenderaan pelbagai guna (MPV) Perodua Alza yang dipandu ibunya di Taman Rinting, dekat sini kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Seri Alam, Deputi Superintendan Norazam Shaaari berkata, kejadian kira-kira pukul 12.30 tengah hari itu berlaku ketika ibu mangsa yang berusia 30-an dikatakan sedang memandu keluar dari rumah untuk berniaga di sekolah berhampiran.

Katanya, sebaik kenderaan tersebut bergerak,



Di jalan raya di Taman Rinting, Johor Bahru inilah lokasi seorang kanak-kanak lelaki meninggal dunia dipercayai akibat diseret secara tidak sengaja oleh kenderaan yang dipandunya ibunya kelmarin.

wanita itu merasakan ada sesuatu tersangkut berada di bawah keretanya sebelum dia turun untuk memeriksanya.

"Ibu mangsa yang memandu Perodua Alza ha-

nya menyedari kejadian itu selepas merandau sejauh kira-kira 10 meter dari rumahnya.

"Mangsa yang curiga kemudian turun dan terkejut apabila melihat jasad


anaknya bongsunya berada di bawah *bumper* kereta yang dipandunya," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa dibawa ke Hospital Pena-war Pasir Gudang untuk rawatan sebelum disahkan meninggal dunia.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, ibu mangsa ketika dihubungi enggan mengulas lanjut ekoran trauma dengan kejadian itu.

Usaha pihak *Kosmo!* ke rumah mangsa juga mendapati ibunya tiada di rumah untuk menguruskan pengebumian mangsa di kampung halaman.



# HARIAN METRO

METRO 16/2/2018

**"Apabila wanita berkenaan turun dari kenderaan, dia mendapati anak bongsunya berada di bawah bumper hadapan**

Norazam Shaari

HARIAN METRO

## Pilu terseret anak

Ibu terkedu lihat tubuh anak terkulai tak bernyawa bawah kereta

Mary Victoria Dass

maryvictoria@hmetro.com.my

Pasir Gudang

**W**anita berdepan detik memilukan apabila anak lelakinya berusia tiga tahun maut selepas diseret secara tidak sengaja kenderaan pelbagai guna (MPV) dipandunya sejauh lebih 10 meter di Taman Rinting, Masai, Pasir Gudang, kelmarin.

Rakan keluarga itu yang enggan dikenali berkata, kejadian berlaku jam 12.30 tengah hari apabila wanita terbabit mahu keluar bersama makanan ringan berhampiran sebuah sekolah.

Menurutnya, ibu mangsa berusia 30-an menyangka anak bongsu daripada lima beradik itu berada di dalam rumah.

"Ibu kanak-kanak itu

yang memandu Perodua Alza hanya menyedari kejadian selepas memandu sejauh beberapa meter.

"Apabila ibu mangsa turun dari kenderaan kerana menyengka terdapat objek yang tersangkut, dia terkejut mendapati anak bongsunya berada di bawah bumper hadapan.

"Kanak-kanak itu kemudian dikejar ke Hospital Penawar Pasir Gudang, namun gagal diselamatkan.

"Ibunya begitu sedih dengan apa yang berlaku, dan sebagai wanita serta rakan saya dapat merasakan perasaan pilu dan trauma di alaminya," katanya.

Sementara itu, ibu mangsa berkata, dia menyangka kenderaannya menyeret sampah yang tersangkut di bahagian bumper.

Bagaimanapun, katanya, dia terkejut mendapati anaknya berada di bawah



NORAZAM

bumper dalam keadaan tidak bermayaya.

"Saya masih keliru dengan apa yang berlaku kerana ketika keluar rumah, anak masih di dalam rumah," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, suasana pilu menyelubungi pekerjaan Jabatan Forensik Hospital Sultan Ismail (HSI), petang tadi apabila ibu mangsa turut membawa bekalan su-

su yang biasa dibancuh untuk mangsa.


Malah, beberapa kenalan keluarga mangsa juga hadir bagi memberi sokongan moral kepada ibu mangsa supaya tabah menghadapi dugaan berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Seri Alam, Deputi Superintendant Norazam Shaari mengesahkan kejadian berkenaan.

"Ketika ibu mangsa memandu keluar dari rumah, dia merasakan sesuatu berada di bawah bumper kenderaannya.

"Apabila wanita berkenaan turun dari kenderaan, dia mendapati anak bongsunya berada di bawah bumper hadapan."

"Mangsa dibawa ke Hospital Penawar Pasir Gudang untuk mendapatkan rawatan, namun disahkan meninggal dunia," katanya ketika dihubungi.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 FEBRUARI 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	BERSUKAN SAMBIL BERAMAL	2
UTUSAN MALAYSIA	HAB PELABURAN, PENDIDIKAN UTAMA	3



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • ISSN 19 FEBRUARI 2018

SHAFIQ TINO

**S**emangat kesukanan dan ihisan untuk membantu golongan tidak berkecukupan menjadi tunjung Program Muafakat Johor Fun Run (MJFR) 2018 yang berlangsung di Kolej Komuniti Pasir Gudang, di sini, hari ini.

Program arahan Kolej Komuniti Pasir Gudang dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Alpinia Taman Scientex itu turut dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara, Integrasi Nasional Daerah Johor Bahru, serta Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Zon Scientex 2.

Dihadamkan, seramai 750 peserta terdiri daripada penduduk setempat, wakil pelbagai agensi serta pelajar telah mengambil bahagian dalam acara larian membelah jarak sejauh 5 km mengeliling kawasan kolej berkenaan.

Pengarah program, Nik Zamzuri Nik Mustapha berkata, objektif utama pengurusan program itu juga diikuti manapun menjadi paksi dalam penemuan semangat muafakat serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat.

Menurutnya lagi, di samping para peserta menjalankan aktiviti larian, mereka juga dapat berasa dan membahagiakan RM1 yang dikeluarkan akan turut disambungkan kepada kepada golongan kurang bernasib baik dalam kawasan Zon Scientex.

"Kesihatan adalah sesuatu yang harus kita titik beratkan, jadi untuk menjadikannya sebuah adalah salah satu cara yang terbaik. Kita tidak perlu melihat sukan yang berat pun cukup dengan sekadar berjari."

## Bersukan sambil beramal

Program Muafakat Johor Fun Run (MJFR) 2018 berlangsung meriah



Peserta bersedia sebelum upacara pelepasan Program Muafakat Johor Fun Run sejauh 5 km di kolej berkenaan, baru-baru ini.

Info

Seramai 750 peserta ambil bahagian



Service Learning Urutan Refleksologi oleh pelajar sijil terapi kecantikan dan Spa Kolej Komuniti Pasir Gudang dalam program berkenaan.



Stampers Jauhars, Kolej Komuniti Pasir Gudang ketika membuat persembahan.


Komitee Pasir Gudang, Padzillah Mohd Yusof berbantah, pengurusan program berkenaan ditarja diteruskan sebagai inisiatif pihaknya untuk terus menyantuni rakyatdaerah dan komuniti sempena.

"Di pihak kolej komuniti, kita gembira dan berpuas hati dengan komitmen yang diberikan semua pihak terutamanya antara pihak kolej, jawatankuasa penduduk, industri dan agensi kerajaan yang terlibat."

"Ini juga merupakan platform terbaik kami dalam memromosikan kursus-kursus yang dimiliki oleh Kolej Komuniti Pasir Gudang melalui gerai promosi dan 'Service Learning' urutan refleksologi oleh pelajar Sijil Terapi Kecantikan & Spa."

"Pelajar-pelajar juga berperihubungan dengan komuniti yang sebenar (Authentic Learning) dalam bidang berasihawanan melalui penghiasan aneka produk dan jualan pelajar dan gerai komuniti" katanya.

Tambahnya lagi, turut mencuri tumpuan adalah persembahan kumpulan Stompers Kolej Komuniti Pasir Gudang yang diberi penghargaan untuk memeriahkan malis sepanjang berlangsungnya program berkenaan.



# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

ISNIN • 19.02.2018

## JOHOR

• Parlimen Pasir Gudang terus membangun

• Kawasan industri berkembang pesat

### Hab pelaburan, pendidikan utama

Oleh ZULHISHAM ISAHAR

■ PASIR GUDANG 18 FEB

**AERAH** ini sironian segera ke arah Johor. Baiklah trion. Baik kerajaan Pasir Gudang yang berjaya wujudkan industri berbesar dibangun di kawasan itu.

Kewajiman industri itu yang mempunyai kelulusan lebih 400 kilang tanaman dan perusahaan, bukan sahaja tumpuan bukan saja untuk mencipta lagi peluang kerjaya tetapi juga pelajaran tetap bagi meningkatkan

Pasir Gudang yang merupakan ibu kota negeri ini turut memainkan peranan penting dalam pembangunan negara ini sebaliknya ia membantu kini melahirkan pelabur dan teknologi.

Darah inti bukan sahaja teknologi dan pelaburan tetapi juga industri dan teknologi dengan Langkah OPT2 iaitu setiap kali ada teknologi baru akan

Begitu juga Pelaburan Jelang Raya yang dilakukan untuk menyediakan infrastruktur untuk keperluan kerja dan rumah tangga.

Ternyata, Pasir Gudang

“2,000 murid sudah siap,” ka

sebut Nurul Izzah, salah seorang

orang tua murid, darah ini kini menjadi pilihan untuk merintis bangunan sekolah di Singapura dan di Penang.

Menurut Ahli Parlimen Pasir

Gudang, Dr Mohamad Norma-

li, pelaburan utama selain tamaduh dan teknologi juga pelajaran

“Ketika ini terdapat kawasan

Sultan (PTS), Kolej Maafai, Se-

Sekolah Suci Melayu (SSM)

dan Sekolah Latihan Perindustrian (SLP)

(MMS) ini bagi menambah

keperluan sekolah sedia, sil-

sekolah Sains dan Sekolah

Pengetahuan dan

Pusat Transformasi.

“Ketika ini pelaburan

utama dilakukan di kawasan

Alam Sekitar. Pada masa sama

menurut maklumat dari mendiknas

bahawa bahaya pencemaran,

seperti air laut yang tercemar atau

air yang tercemar oleh limbah

berlalu mengakibatkan kawasan

tersebut terkena pencemaran

tersebut,” katanya.

Terhadap pelaburan senarai

sebagai pelabur terbaik di kawasan

perindustrian di Malaysia, Nurul

Izzah berkata, pelaburan

utama dilakukan di kawasan

perindustrian di kawasan



PEMBANGUNAN  
PASIR GUDANG

“Kami tukar beberapa inisiatif dan sebagaimana kita dilihat dalam dunia teknologi dan teknologi pelajaran, pelaburan dan teknologi pelajaran di Johor yang telah dilaksanakan,”

Turunkan Jalan Jaya

**SELAKU** Menteri Besar Johor, Dato' Seri Dr Lelaki Raja Pasir Gudang, menyatakan bahawa kerajaan negeri berharap agar teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara.

“Dengan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

ketika itu berjaya di seluruh negara dan teknologi dan teknologi pelajaran yang dilaksanakan di Johor yang selanjutnya akan berjaya di seluruh negara,”

### 5 SOALAN

UTUSAN



#### KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

- = Malaysia Marine and Heavy Engineering (MMHE) berpangkalan di Pasir Gudang
- = Lubah Raya Pengurusan Tuar (ERT) akan dimulai kurang RM50 juta
- = Pembinaan Jalan Pantai dan Terowong Pantai Sentosa (RMS) jejak
- = Bina Majid Tanah Sentosa
- = Bina Masjid Darul Ghufran
- = Bina Pasar Nelayan
- = Bina Kompleks Pengurusan Uspek Malaysia (ZURJHAM)
- = Bina Kompleks Pengurusan Perkhidmatan Awam (KPPA) di Pasir Gudang
- = Bina Sekolah Agama Darul Ihsan di Pasir Gudang

Alam dengan lepas 1000 di jalan yang 26 kilometer dalam kawasan pasir gudang, kira-kira merata taraf itu dan bukan hanya di kawasan perumahan.

Projek pembangunan leburan raya yang dilaksanakan di kawasan pasir gudang sepanjang 9 kilometer (km) yang bermula dari kawasan perumahan Sungai Jernih sehingga ke sempadan negeri Selangor di kawasan Sungai Besar.

Sebaliknya bangunan dinamakan sebagai jambatan dan bandar Pasir Gudang dengan kuasa yang besar.

Maka bangunan di

Plembong contohnya

sudah kira atau dengan mendalamkan Sungai Plembong.

Menurut jambatan

bandar di situ dengan membangun

sehingga kira-kira

sempadan kampung setanay di kawasan Sungai Besar, Selangor, Malaysia. Panjangnya di sepanjang

RM4 juta khusus untuk urusan

wantai memperbaiki

separca sistematis dan komersial

pasarkan dalam talas.

Untuk itu dia mengambil dua ting-

kat ikti okn mempunyai 42 kilon-

metre (m) dan sepanjang 1000 m

meter (m) yang dilaksanakan di

sebuah jambatan yang


berdiri dengan kos RM200 juta

tanah ali terdapat opa, dobit serta

kuasai merengal kira-johor

merengal tanah ali untuk

merengal tanah ali untuk




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
20 FEBRUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	LONGGOKAN SAMPAH DI JALAN MASUK KE PANGSAPURI	2



# UTUSAN MALAYSIA

## Longgokan sampah di jalan masuk ke pangsapuri

U/M  
20/2/18

**KEMAJUAN** serta pembangunan di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang terutama di kawasan Taman Sierra Perdana amat pesat dan semua itu boleh disaksikan ketika ini.

Namun malangnya pembangunan fizikal itu tidak diiringi dengan kesedaran penduduk se-tempat untuk menjaga kebersihan kawasan sekitarnya.

Sebagai contoh jalan masuk ke Pangsapuri Meridin Bayvue yang boleh dikelaskan sebagai ka-

wasan perumahan elit tetapi jalan masuknya terdapat beberapa timbunan sampah.

Keadaan berkenaan bukan sahaja menyakitkan mata tetapi menghasilkan pencemaran bau selain sampah sarap tersebut kerap diselongkar anjing-anjing liar.

Beberapa longgokan plastik sampah yang sudah terbuka, kotak, botol-botol plastik serta sisa makanan dibuang di pinggir jalan masuk ke pangsapuri tersebut.

Kawasan pinggir jalan di ha-


dapan deretan kedai baharu itu mungkin sudah menjadi tempat pembuangan setiap hari kerana boleh dilihat kesan sampah sarap tersebut dibakar di situ.

Mungkin pihak tidak bertanggungjawab membakar sampah di situ selepas sampah sarap terlalu banyak dan keadaan tersebut perlu dipantau supaya kawasan itu tidak bertambah teruk.

**FAUZI YAHYA**  
Taman Sierra Perdana



**LONGGOKAN** sampah sarap yang mencacatkan pemandangan dan menimbulkan pencemaran bau di jalan masuk ke Pangsapuri Meridin Bayvue berdekatan Taman Sierra Perdana, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

21 FEBRUARI 2018



RABU

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	15 ANAK YATIM BEBAS PENYAKIT HFMD	2



# HARIAN METRO



MOHD Azhar (berdiri, lapan dari kiri) dan Irene (berdiri, dua dari kiri) bersama pekerja hospital dan anak yatim selepas sesi pemberian sumbangan daripada KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital, semalam.

## 15 anak yatim bebas penyakit HFMD

**Johor Bahru:** Seramai 15 anak yatim berusia tiga hingga 12 tahun dari Rumah Anak Yatim Pertubuhan Kebajikan Cheng En di Taman Melodies, di sini, yang menjalani pemeriksaan kesihatan percuma oleh KPJ Pasir Gudang Special Hospital (KPJPGSH), semalam didaftari bebas penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD).

Ketua Pegawai Eksekutif KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital, Mohd Azhar Abdullah berkata, program itu menunjukkan amalan kebersihan dalam kalangan kumpulan kanak-kanak berkenaan adalah baik bagi membendung penyakit berkenaan.

Menurutnya, sesi pemeriksaan kesihatan berkenaan berlangsung selama satu jam bermula jam 11 pagi di kendalikan Doktor Pakar Kanak-Kanak, Dr Frienky Chong Wei.

"Pemeriksaan kesihatan berkenaan menjadi antara tanggungjawab sosial korporat (CSR) pengurusan hospital sempena Tahun Baru Cina.

"Prihatin terhadap kebaikan terutamanya aspek kesihatan golongan kurang

berkemampuan selain anak yatim mendorong kami untuk menganjurkan program ini," katanya ketika hadir menyampaikan sumbangan di Rumah Anak Yatim Pertubuhan Kebajikan Cheng En di Taman Melodies di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Taibung Kebajikan Doktor-Doktor KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital, Dr Nor Aizal Che Hamzah; Pakar Bedah Orthopedik, Dr Khoo Shaw Ming serta Pakar Obstetri dan Ginekologi, Dr G Rabindran.

Mohd Azhar berkata, selain pemeriksaan kesihatan pihaknya turut menyalurkan sumbangan barang yang kebiasaan dibulurkan sempena sambutan perayaan.

"Jika sebelum ini perayaan Tahun Baru Cina dirayakan dengan mengadakan rumah terbuka di hospital sebaliknya tahun ini pihak hospital buat pertama kali meraikan perayaan bersama anak ya-

tim di rumah kebajikan berkenaan bagi menyelami kehidupan mereka serta meliti tahap kesihatan masing-masing.

"Kami turut menghulurkan bekalan ubat-ubatan selain makanan tambahan bagi kegunaan anak yatim berkenaan menerusi sumbangan Tabung Kebajikan Doktor Doktor Pakar KPJPGSH selain barangan dapur, bantal dan selimut," katanya.

Antara pengisian program berkenaan termasuk persembahan tarian singa, aktiviti menggaul yee sang serta penyampaian sumbangan dan angpau kepada anak yatim berkenaan.

Sementara itu, Pengasas Pertubuhan Kebajikan Cheng En, Irene Loh berkata, pihaknya bersyukur kerana masih ada masyarakat prihatin terhadap nasib anak yatim di rumah kebajikan berkenaan.

"Saya bersyukur pemeriksaan dijalankan mendapat kesemuanya mereka bebas daripada HFMD," katanya.

### FAKTA

Amalan kebersihan dalam kalangan kanak-kanak membendung penyakit HFMD



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 FEBRUARI 2018



AHAD

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
NEW STRAITS TIMES	JOHOR MB: OPPOSITION FIXATED ON WINNING, NOT FIXING ISSUES	2
UTUSAN MALAYSIA	FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA BERMULA 28 MAC	3
UTUSAN MALAYSIA	PERTARUH NAMA BESAR HANYA MAHUKAN KERUSI	4
SINAR HARIAN	KUALITI PROJEK PPR BERBEZA: KPKT	5
SINAR HARIAN	BERI KHIDMAT TERBAIK KEUTAMAAN BN JOHOR	6



# NEW STRAITS TIMES

FEBRUARY 25, 2018 . NewSundayTimes

## NEWS

5

GE14

### Johor MB: Opposition fixated on winning, not fixing issues

**PASIR GUDANG:** Johor Barisan Nasional (BN) said Pakatan Harapan's move to enlist big-name candidates in the 14th general election (GE14) shows that the opposition is fixated on winning seats, not resolving public issues.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, who is state BN chairman, said in contrast, the state government was focused on solving problems in the community, not just to win votes.

"Our actions do not revolve around retaining or wresting back seats. (Our) priority has always been to serve the people (by helping them) face challenges, and ensuring that they (benefit from) development (in the


state)," he said. Khaled added that by recruiting only big-name candidates, the opposition had demonstrated that it did not have the community's welfare at heart.

"I believe Johor voters can decide what is the best choice for their future," said Khaled, who had earlier attended the SK Taman Scientex parent-teacher association's annual general meeting. On a survey by the Merdeka Centre that suggests Johor BN was in a precarious situation, Khaled said he was not bothered by it.

"There have been many research works published. There is no guarantee on this matter as anything can happen."



Datuk Seri  
Mohamed Khaled  
Nordin



# UTUSAN MALAYSIA

## Festival Layang-Layang Sedunia bermula 28 Mac

**JOHOR BAHRU 24 Feb.** - Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) yang semakin dikenali di seluruh dunia akan mengganjurkan majlis perapelancahan, Ahad ini.

Majlis tersebut yang akan diadakan di Paradigm Mall di sini pada pukul 2 petang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong.

Satu sesi pembentangan acara FLLSPG akan dilakukan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamall Hashim.

Selepas itu, gimik pelancaran promosi dilakukan di pintu masuk utama dengan melepaskan kumpulan moto-sikal MPPG selaku maklumat promosi bergerak.

Festival tahunan yang bermula sejak 1995 itu akan berlangsung selama lima hari bermula 28 Februari hingga 4 Mac ini di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, dekat sini.

FLLSPG bukan sahaja suatu upacara pertunjukan layang-layang yang mengumpulkan peserta tempatan dan antara-




bangsa tetapi juga meraikan budaya dan tradisi bermain layang-layang.

Setiap tahun lebih 1,000 penyertaan diterima termasuk dari China, Indonesia, Australia, Jepun, England, Rusia, Thailand, Brazil serta Singapura.

Festival berkennaan dianjurkan MPPG dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Persatuan Pelayang Johor dan Majlis Pelayang Malaysia.



SUASANA meriah dalam Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) yang akan bermula dari 28 Februari hingga 4 Mac ini di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI



# UTUSAN MALAYSIA

Pertaruh nama besar hanya mahukan kerusi

**PASIR GUDANG** 24 Feb. - Percaturan Pakatan Harapan untuk meletakkan nama-nama besar bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) di negeri ini sebenarnya hanya sekadar mahukan kerusi dan bukan berkhidmat untuk rakyat.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keadaan itu berbeza dengan BN yang meletakkan calon supaya dapat berkhidmat sepenuhnya untuk rakyat.

"Kalau semata-mata nak letak nama besar untuk bawa isu nasional dan hanya menang kerusi, dia (perbangkang) mungkin tidak dapat memenuhi kehendak serta keperluan masyarakat.

"Kita bukan sahaja semata-mata nak kejar kerusi tetapi yang penting dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan bersama-sama membangunkan dasar bukan sahaja berhadapan dengan cabaran, tetapi memenuhi keperluan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Taman Scientex di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Pakatan Harapan untuk meletakkan nama-nama besar antaranya Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertanding di Parlimen Pontian dan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar di Parlimen Johor Bahru.



MOHAMED KHALED NORDIN memukul gong sebagai simbolik perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Taman Scientex di Pasir Gudang, Johor, semalam.

Tidak terkecuali juga cadangan meletakkan calon di Parlimen Sembong yang diwakili Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Parlimen Sri Gading yang disandang Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Besar Johor berkata, kerajaan ketika ini berjaya menangani isu-isu dihadapi rakyat termasuk

melaksanakan pendekatan intervensi atau idea baharu dalam menyelisaikan masalah.

Beliau yakin masyarakat di Johor terutama pengundi dapat membezakan dan membuat pernilai terbaik terhadap pihak yang mampu dan benar-benar berkhidmat untuk mereka.

"Terdapat macam-macam kajian ada (yang kata) menang, tengok siapa yang buat kajian itu. Sebab itu saya tidak beri perhatian utama (terhadap hasil kajian tersebut)," katanya.

tidak ambil peduli perkara tersebut.



# SINAR HARIAN

SINAR 25/2/18

## Kualiti projek PPR berbeza: KPKT

**PASIR GUDANG** - Rakyat tidak perlu bimbang kualiti pembinaan projek Program Perumahan Rakyat (PPR).

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Halimah Mohamad Sadiq ue berkata, unit kediaman dalam program itu tidak sama dengan rumah murah atau kos rendah yang pernah dibina sebelum ini.

"Setiap unit rumah yang dibina mempunyai keluasan 700 kaki persegi, lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur.

"Saya percaya apa disediakan kerajaan mampu beri keselesaan kepada bakal penghuni kelak," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran PPR Masai, baru-baru ini.

Halimah berkata, atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan di bawah pentadbiran BN yang sentiasa mendahului rakyat, kadar sewaan unit-unit rumah



HALIMAH

PPR hanya RM124 sebulan sahaja.

"Kadar ini rendah berbanding sewa rumah yang setara menccah RM500 hingga RM600 sebulan.


"Ini bermakna setiap bulan penghuni dapat jimatkan perbelanjaan bulanan untuk sewaan rumah sehingga RM400 sebulan," katanya.

Selain itu, katanya, sekiranya kerajaan rasakan unit-unit rumah itu layak dijual kepada penghuni, kadar harga jualan ditetapkan RM35,000 sahaja.

Berbanding kos pembinaan dieluarkan kerajaan, setiap pembeli berkelayakan akan dapat subsidi sehingga RM150,000 seorang.

"Inilah contoh kerajaan yang sentiasa memulangkan semula hasil negara diperoleh kepada rakyat," katanya.

Mengulas mengenai PPR Masai, beliau berkata, projek itu diusahakan sendiri Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang juga Adun Permas.



# SINAR HARIAN

## Beri khidmat terbaik keutamaan BN Johor

PASIR GUDANG - BN Johor meletakkan keutamaan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan bukannya semata-mata memenangi kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, menjadi hasrat BN Johor untuk memastikan pelbagai dasar dapat dibangunkan walaupun berdepan cabaran demi memenuhi keperluan rakyat.

Menurutnya, berbeza dengan pakatan pembangkang, BN Johor sedar tidak cukup untuk sekadar membawa pelbagai perkara yang hanya berkaitan dengan isu nasional sahaja.

"Tapi kita juga mesti dapat wakil masyarakat mengatasinya

sahaja cabaran mereka hadapi. "Kita harus sedar kita hidup dalam zaman penuh cabaran.

"Zaman kompleks keadaannya dan kita perlu mencari dan mampu untuk melahirkan penyelesaian-penyelesaian," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Hari Anugerah Kecemerlangan dan Mesyuarat Agung PIBG Sekolah Kebangsaan Taman Scientex, semalam.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan pimpinan BN sedar cabaran dihadapi rakyat, namun pendekatan diambil bagi menyelesaikan perkara itu menerusi intervensi.

Katanya, antara intervensi dilakukan kerajaan adalah menanggung perbelanjaan yuran perskolahan, pemberian buku teks selain kadar rawatan di hospital yang sangat rendah.



Mohamed Khaled menyampaikan anugerah kecemerlangan kepada salah seorang murid SK Taman Scientex.

"Semua negara hadapi kos hidup tinggi, tetapi kerajaan lakukan intervensi," katanya.

Beliau berkata, di peringkat kerajaan negeri pula, banyak intervensi dilakukan seperti perkhidmatan

SINAR 25/2/2018

bas percuma, subsidi tambang bas dan banyak lagi.

"Jadi di sini rakyat patut faham dan sedar intervensi-intervensi yang dilakukan kerajaan.

"Atas sebab itu kalau semata-mata nak letak nama besar untuk bawa hanyu isu nasional dan hanya untuk menang kerusi, dia mungkin tidak dapat penuhi keperluan masyarakat," katanya.

Mohamed Khaled berkata, rakyat berdepan banyak cabaran yang kompleks berbeza daripada terdahulu dan memerlukan penyelesaian.

Pengerusi Umno Johor itu percaya masyarakat khususnya pengundi di Johor dapat membezakan antara BN dan pakatan pembangkang, sekali gus buat penilaian terbaik pada PRU14.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 FEBRUARI 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	500,00 DIJANGKA MERIAHKAN FLLSPG	2
UTUSAN MALAYSIA	RM575 JUTA BINA PPR	3



# SINAR HARIAN

**500,000 dijangka meriahkan FLLSPG**

S/H 26/2/18



Siew Kiong (tengah) mencuba teknik sobek untuk menyelapkan wau sambali diperhatikan A Rahim Nin (kanan) di Paradigm Mall, semalam.

**JOHOR BAHRU** - Kira-kira 500,000 pengunjung dijangka membantir Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) kali ke-23 yang akan diadakan di Bukit Layang-Layang Pasir Gudang pada 28 Februari hingga 4 Mac nanti.

Exco Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, sebanyak 44 buah negara akan mengambil bahagian pada festival berkenaan.

Menurutnya, festival yang bertemakan memperkasa komuniti dunia itu dijangka melibatkan penyertaan 1,000 pelayang termasuk 200 penyertaan dari luar negara.

"Antara negara yang mengambil bahagian termasuklah China, Indonesia, Australia, Jepun, Singapura, Jerman, Perancis, England, Belanda, Turki, Poland, Rusia, Ukraine, Amerika Syarikat dan Brazil."

"Dua negara baru-baru iaitu Finland dan Norway turut menyatakan persetujuan untuk terlibat dalam festival ini," katanya ketika maj-


lis Pra-lancaran FLLSPG ke-23 di Paradigm Mall, di sini, semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim, Presiden Majlis Pelayang Malaysia (MPM) merangkap Yang Dipertua Persatuan Pelayang Johor (PPJ), A Rahim Nin dan Pengarah Tourism Johor, Abdul Malik Ismail.

Festival tahunan yang bermula sejak 1995 itu dianjurkan MPPG dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor, MPM dan PPJ dengan kerjasama pelbagai pihak.

FLLSPG kali ini turut mengekalkan kerjasama dengan Pejabat Wilayah Satun, Thailand menerusi Festival Layang-layang Antarabangsa 2018 kali ke-38 yang bermula 23 hingga 26 Februari.

Siew Kiong berkata, sejumlah lebih RM1 juta diperuntukkan untuk penganjuran FLLSPG kali ini dan untuk keselesaan pengunjung, Bukit Layang-layang sedang sedang dinaik taraf dengan kos RM1.8 juta.



# UTUSAN MALAYSIA

## RM575 juta bina PPR

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusanjohor@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 25 FEB.

**K**ERAJAN Persekutuan membinas 14,425 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Johor sejak 2001 hingga 30 September lalu.

Daripada jumlah tersebut, 8,278 unit sudah siap dibina dengan kos RM575 juta manakala 4,717 unit lagi sedang dibina sementara 1,430 unit dalam perancangan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, berdasarkan jumlah pembinaan PPR itu, Johor merupakan negeri ketiga terbanyak menerima projek perumahan tersebut.

"Selain PPR, kerajaan negeri juga membina Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) yang kita sasarkan 100,000 buah unit pembinaannya menjelang tahun 2023.

"Sehingga suku akhir tahun laju,

sebanyak 16,010 unit RMMJ berjaya disiapkan daripada sasaran 60,000 unit iaitu 27 peratus dalam tempoh hanya tiga tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis perasmian Pecah Tanah dan Pelancaran PPR Masai di Kampung Sepakat, Masai, di sini kelmarin.


Yang turut hadir Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) kementerian itu, Datuk Khalir Dzaimee Daud dan Timbalan Penggerusi YPJ Holdings Sdn. Bhd., Elias Hasran.

Mengenai PPR Masai, Mohamed Khaled memberitahu, sebanyak 330 unit rumah pangsa bagi PPR Masai dengan peruntukan RM60.9 juta akan dibangunkan dalam tempoh tiga tahun ini.

Menurutnya, PPR Masai mempunyai tiga blok, setinggi 12 tingkat berkeluasan 700 kaki persegi selain empat rumah dengan kemudahan orang kurang upaya (OKU) di tingkat bawah disediakan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas berkata, PPR Masai merupakan satu daripada empat projek perumahan itu yang dilancarkan Perdana Menteri pada tahun lalu selain PPR Ulu Tiram, PPR Permas Jaya dan PPR Bandar Tenggara.

**MOHAMED KHALED NORDIN** memukul gong merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
27 FEBRUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG BERMULA ESOK	2
UTUSAN MALAYSIA	500,000 PENGUNJUNG DIJANGKA MERIAHKAN FLLSPG KE-23	3
UTUSAN MALAYSIA	KONVOI MOTOSIKAL JELAJAH JOHOR	4



# KOSMO

## Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang bermula esok

**JOHOR BAHRU** – Sebanyak 45 negara mengesahkan penyertaan dalam Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang 2018 yang akan diadakan di Bukit Layang-layang, Taman Bandar Pasir Gudang mulai esok sehingga 4 Mac depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, festival berkenaan yang memasuki edisi ke-23 penganjurannya tahun ini bakal menyaksikan penyertaan baharu dari Finland dan Norway.

“Ini adalah masa yang tepat untuk mempromosikan lagi negeri Johor dan juga Malaysia di mata dunia khususnya dalam merancakkan sektor pelancongan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pra pelancaran festival itu di Paradigm Mall di sini semalam.

Siew Kiong memberitahu, lebih 500,000 pengunjung dijangkakan bakal membanjiri festival berkenaan dengan membabit-




SEORANG pelayang asing memerhatikan layang-layangnya naik ke udara pada Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang tahun lalu. – Gambar hiasan

kan sebanyak 1,157 peserta antarabangsa dan tempatan.

Selain itu, beberapa acara lain turut diketengahkan sempena festival itu termasuk persembahan istimewa Eco World Symphony Drummer, pelancaran buku *Keunikan Pertandingan*

*Wau Tradisi Kebanggaan Malaysia* dan persembahan layang-layang bercahaya komuniti 24 Zon dalam Pasir Gudang.

Sebanyak 300 buah gerai dan pameran turut disediakan bagi memeriahkan suasana festival tersebut.



# UTUSAN MALAYSIA

## 500,000 pengunjung dijangka meriahkan FLLSPG ke-23

21/2/18  
ulm

**JOHOR BAHRU** 26 Feb. - Lebih 500,000 pengunjung dijangka memeriahkan Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) kali ke-23 di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang di sini.

FLLSPG yang akan berlangsung pada 28 Februari hingga 4 Mac ini dengan bertemakan Memperkasa Komuniti Dunia bakal melibatkan 1,000 pelayang termasuk 200 penerjaya dari luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepentingaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, sebanyak 44 buah negara akan mengambil bahagian pada festival kali ini.

"Antara negara yang telah mengesahkan akan mengambil bahagian ialah China, Indonesia, Australia, Jepun, Singapura, Jerman, Perancis, England, Belanda, Turki, Poland, Rusia, Ukraine, Amerika Syarikat dan Brazil."

"Pada kali ini terdapat dua penyertaan negara baru iaitu dari Finland dan Norway," katanya dalam sidang akbar dan Pra pelancaran FLLSPG ke-23 di Paradigm Mall di sini semalam.

Selaras itu gimik pelancaran



TOURISM JOHOR

promosi dilakukan di pintu masuk utama Paradigm Mall dengan melepaskan kumpulan motosikal MPPG sebelum melakukan permosi bergerak ke daerah-daerah.

Yang turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim; Presiden Majlis Pelayang Malaysia (MPM) merangkap Yang Dipertua Persatuan Pelayang Johor (PPJ), A. Rahim Nin dan Pengarah Tou-

rism Johor, Abdul Malik Ismail. Festival tahunan yang bermula sejak 1995 itu dianjurkan MPPG dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor, MPM dan PPJ dengan kerjasama pelbagai pihak.

Siew Kiong berkata, lebih RM1 juta diperuntukkan untuk penganguran FLLSPG kali ini dan untuk keselamatan pengunjung, Bukit Layang-layang sedang di-naik taraf dengan kos RM1.8 juta.


"Antara acara menarik FLLSPG adalah pelancaran Buku Wau Tradisi Kebanggaan Malaysia, Pertandingan Layang-layang Ciptaan Bebas Peringkat Komuniti, Persembahan Layang-layang Bercahaya dan Persembahan Kumpulan Eco World Symphony Drummers," katanya.

Menariknya, FLLSPG terus mengekalkan kerjasama dengan Pejabat Wilayah Satun, Thailand menerusi Festival Layang-layang Antarabangsa 2018 kali ke-38 bermuad 23 hingga 26 Februari.

Selpas FLLSPG di Pasir Gudang, sebahagian pesertanya akan dibawa ke Festival Layang-layang Kabong 2018 di Pantai Tanjung Kembang, Kabong, Sarawak pada 9 hingga 12 Mac.



TEE SIEW KIONG (tengah) mencuba teknik sobek menyiapkan wau sambil diperhatikan A. Rahim Nin (kanan) selepas sidang akbar dan Pra Pelancaran FLLSPG ke-23 di Paradigm Mall, Skudai, Johor Bahru, Johor, kelmarin.



# UTUSAN MALAYSIA



TEE SIEW KIONG (kanan) dan A. Rahim Nin (dua dari kanan) melepaskan konvoi jelajah FLLSPG ke-23 di pintu masuk utama Paradigm Mall, Skudai, Johor Bahru, Johor, kelmarin.

Konvoi motosikal jelajah Johor

21/2/18  
u/m

**JOHOR BAHRU** 26 Feb. - Program jelajah bermotosikal bertujuan mempromosikan Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) kali ke-23 disempurnakan Pengurusan Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong di sini semalam.

Pelepasan itu dilakukan di pintu masuk utama Paradigm Mall yang melibatkan 26 peserta masing-masing 20 motosikal pelbagai kapasiti kuasa dan dua buah kendaraan pacuan empat roda.

Jelajah selama tiga hari bermula hari ini akan merentasi beberapa daerah di Johor seperti Iskandar Puteri, Kulai, Pontian, Batu Pahat, Muar, Klung, Kota Tinggi dan Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan negeri,

(MPPG) merangkap Yang Dipertua Persatuan Pelayang Johor (PPJ), A. Rahim Nin dan Pengarah Tourism Johor, Abdul Malik Ismail.

Festival tahunan yang bermula sejak 1995 itu dianjurkan MPPG dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor, MPM dan PPJ dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Peserta terdiri daripada 18 anggota Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan lapan anggota polis pengiring untuk menyaksikan jelajah ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar dan Pra pelancaran FLLSPG ke-23 di Paradigm Mall sebelum melancarkan gimik pelancaran jelajah berkenaan.

Yang turut hadir Yang Dipertua MPPG, Hasrin Kamal Hashim; Presiden Majlis Pelayang Malaysia

Menariknya FLLSPG terus

mengekalkan kerjasama dengan Pejabat Wilayah Satun, Thailand menerusi Festival Layang-layang Antarabangsa 2018 kali ke-38 bermula 23 hingga 26 Februari.

Selain FLLSPG di Pasir Gudang, sebahagian pesertanya akan dibawa ke Festival Layang-layang Kabong 2018 di Pantai Tanjung Kembang, Kabong, Sarawak pada 9 hingga 12 Mac.

4